

05/06/1998

Ahli BN sokong Dana Khas Negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan warga korporat memberi komitmen untuk menderma kepada Dana Khas Negara yang dijadual dilancarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 14 Jun ini.

Sejumlah RM2 juta dijangka dikutip daripada 15,000 ahli BN, tokoh korporat dan wakil pelajar daripada 100 sekolah di ibu kota di karnival dana itu yang akan diadakan di Dataran Merdeka.

Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata dana itu adalah sebagai bukti sokongan parti komponen BN dan segenap lapisan rakyat untuk membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

Beliau berkata, karnival bermula pada jam 6 pagi dengan acara larian anjuran bersama Persekutuan Atlit Amatur Wilayah Persekutuan (FTAA).

Turut diadakan ialah pertunjukan oleh pasukan yang melakukan terjunan bebas di Kutub Utara dan pameran kereta nasional yang dibawa dalam ekspedisi berkenaan serta persembahan tatoo.

Selepas itu, Industri Rakaman Malaysia (RIM) memberikan persembahan diikuti pelancaran Dana Khas Negara oleh Perdana Menteri.

"Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucap utama pada karnival yang turut dihadiri semua presiden 14 parti komponen," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat ketua-ketua pergerakan pemuda komponen BN di ibu pejabat BN, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi, yang juga Ketua Pemuda BN.

Mohamed berkata, promosi perkhidmatan dan penggunaan barangan buatan Malaysia turut diadakan dengan 80 gerai disediakan.

Menurutnya, komponen BN boleh mengadakan karnival seumpama itu di peringkat negeri atau mengikut parti masing-masing.

(END)